

ULASAN OPERASI PERNIAGAAN



ULASAN INSURANS HAYAT MALAYSIA

Bahagian Insurans Hayat mencatatkan kemerosotan 9.1% dalam jumlah premium diperoleh kasar kepada RM1.0 bilion (2009: RM1.1 bilion) sebahagian besarnya berikutan pengurangan premium perniagaan tunggal, khususnya pelan Endowment Dividen Tetap ("FDE") dan perniagaan kumpulan. Pengurangan premium FDE adalah disebabkan oleh strategi yang diatur oleh MAA untuk mengurangkan jualan pelan yang intensif modal ini untuk menguruskan kecairan dengan lebih baik. Namun begitu MAA mencatatkan pertumbuhan 56.8% dalam premium tahun pertama hasil peningkatan jualan pelan berkaitan pelaburan.

Bahagian Insurans Hayat juga mencatatkan jumlah pendapatan pelaburan bersih, untung atau rugi daripada jualan pelaburan dan perubahan nilai saksama portfolio pelaburan berjumlah RM472.6 juta, peningkatan 15.7% berbanding RM408.6 juta pada 2009. Peningkatan dicatatkan terutamanya kerana pendapatan faedah lebih tinggi daripada portfolio bon dan keuntungan daripada jualan sekuriti ekuiti yang disebut harga, disokong pula oleh masuk kira semula elauan rosot nilai bagi pinjaman komersial tertentu yang dibuat pada tahun sebelumnya berasaskan kutipan semula pinjaman yang dibuat.

Seiring dengan langkah yang diambil pada 2009 untuk memenuhi keperluan modal di bawah Rangka Kerja RBC, tiada pindahan lebihan dibuat daripada Dana Insurans Hayat ke Dana Pemegang Saham pada tahun yang dilaporkan.

Dalam pada itu, MAA akan memberi tumpuan kepada pertumbuhan hasil menerusi inovasi produk, khususnya pelan berkaitan pelaburan dan meluaskan pengedaran dengan merekrut, melatih dan mengekalkan ejen berkualiti.

ULASAN INSURANS AM MALAYSIA

Bahagian Insurans Am mencatatkan pertumbuhan menggalakkan sebanyak 25.2% dalam jumlah premium diperoleh kasar kepada RM521.7 juta (2009: RM416.6 juta). Perniagaan motor dan premium bukan motor masing-masing meningkat sebanyak 38.5% kepada RM292.9 juta (2009: RM211.5 juta) dan 11.6% kepada RM228.8 juta (2009: RM205.1 juta).

Pada tahun yang dilaporkan, nisbah tuntutan juga bertambah baik pada kadar 65.3% (2009: 68.3%). Nisbah tuntutan lebih baik ini merupakan hasil tindakan strategik berterusan sejak beberapa tahun lepas untuk beralih daripada perniagaan yang tidak menguntungkan. Walaupun dengan nisbah tuntutan yang lebih baik, Bahagian ini telah mencatatkan jumlah pendapatan pelaburan bersih, untung atau rugi daripada jualan pelaburan dan perubahan nilai saksama bagi portfolio pelaburan lebih rendah berjumlah RM36.5 juta (2009: RM45.2 juta). Pendapatan yang lebih rendah ini adalah terutamanya disebabkan oleh pelupusan beberapa aset pelaburan bernilai RM85.0 juta oleh Bahagian Insurans Am kepada Dana Pemegang Saham pada tahun yang dilaporkan untuk menjelaskan hutang antara dana.

Berbekalkan jumlah premium diperoleh kasar yang lebih tinggi dan nisbah tuntutan lebih baik, Bahagian Insurans Am MAA telah memulihkan operasi daripada kerugian taja jamin RM7.9 juta pada 2009 hingga mencatatkan keuntungan taja jamin RM13.8 juta pada 2010. Bagi tahun yang dilaporkan, Bahagian Insurans Am mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM55.5 juta, kenaikan 48.0% yang membanggakan berbanding keuntungan sebelum cukai RM37.5 juta pada 2009.

ULASAN OPERASI PERNIAGAAN

(bersambung)



ULASAN INSURANS TAKAFUL MALAYSIA

Pada 2010, Dana Takaful Keluarga mencatatkan jumlah sumbangan diperoleh kasar RM157.4 juta (2009: RM84.7 juta) terutamanya daripada produk berkaitan pelaburan, manakala Dana Takaful Am mencatatkan jumlah sumbangan diperoleh kasar berjumlah RM99.5 juta (2009: RM59.9 juta), terutamanya daripada pertumbuhan perniagaan motor, kemalangan diri dan lain-lain kelas perniagaan.

Dalam tahun keempat operasi, Dana Pemegang Saham MAA Takaful mencatatkan keuntungan berganda sebelum zakat dan cukai kepada RM7.2 juta (2009: RM3.1 juta), selepas mengambil kira lebih RM3.4 juta (2009: RM1.6 juta) yang dipindahkan daripada Dana Takaful Keluarga.

Dana Takaful Am mencatatkan kerugian sebelum cukai lebih tinggi berjumlah RM5.8 juta (2009: kerugian sebelum cukai RM1.3 juta). Kerugian lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan nisbah tuntutan daripada 63.4% pada 2009 kepada 80.3%, sebahagian besarnya daripada kebakaran, motor dan lain-lain kelas perniagaan.

Seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 16(3) Akta Takaful 1984, pihak lembaga pengarah MAA Takaful telah meluluskan agihan lebihan Dana Takaful Keluarga berjumlah RM6.8 juta seperti yang disarankan oleh aktuari dilantik oleh syarikat. Agihan ini akan dikongsi secara sama rata di antara pihak syarikat (sebagai pengendali) dan para peserta mengikut polisi agihan lebihan MAA Takaful.

Kami berbangga mengumumkan bahawa pada Ogos 2010, MAA Takaful menerima anugerah “Produk Takaful Paling Cemerlang” bagi produk Takafulink di Majlis Anugerah Kewangan Islam Ketujuh Kuala Lumpur, iaitu tahun kedua berturut-turut syarikat memenangi anugerah bagi salah satu daripada produknya.

MAA Takaful yang memasuki tahun keempat operasi, telah menggiatkan usaha untuk mengoptimimumkan proses dan sistem, sambil meluaskan produk yang ditawarkan bagi memastikan para pelanggan mendapat manfaat mutlak dari perkhidmatan yang cekap dan produk yang unggul yang ditawarkan.

MAA Takaful meramalkan bahawa persekitaran operasi dalam sektor takaful akan terus mencabar dan bertambah sengit, dengan pemberian empat (4) lesen takaful keluarga baru oleh Kementerian Kewangan pada 2009/2010. Namun begitu, MAA Takaful akan meneruskan usahanya untuk melancarkan produk inovatif baru, meluaskan asas pelanggan, merekrut tenaga agensi yang berkualiti dan produktif serta mewujudkan saluran pengedaran baru.

ULASAN UNIT AMANAH MALAYSIA

Pada 2010, industri unit amanah Malaysia mencatatkan pertumbuhan dengan jumlah Nilai Aset Bersih (“NAB”) dana di bawah pengurusan meningkat sebanyak 18.3% kepada RM226.8 bilion (2009: RM191.7 bilion). Sementara itu, nilai aset di bawah pengurusan oleh pengurus dana meningkat 12.1% dalam tempoh yang dilaporkan.

ULASAN OPERASI PERNIAGAAN

(bersambung)



Pada akhir Disember 2010, jumlah bilangan dana di bawah pengurusan MAAKL Mutual (syarikat pengurusan unit amanah kumpulan) meningkat daripada dua puluh empat (24) pada 2009 kepada dua puluh lima (25) dengan pelancaran satu dana baru dalam tempoh yang dilaporkan, iaitu Dana MAAKL Indonesia Equity. Pada tahun yang dilaporkan, jumlah NAB dana unit amanah di bawah pengurusan MAAKL Mutual meningkat sebanyak 15.4% daripada RM1.6 bilion pada akhir Disember 2009 kepada RM1.8 bilion pada akhir Disember 2010, satu peningkatan yang seiring dengan kenaikan 19.3% FBM KLCI dan prestasi industri unit amanah sepanjang tahun. Justeru, penarafan MAAKL Mutual dari segi bahagian pasaran telah meningkat daripada 10 pada akhir Disember 2009 kepada 9 pada akhir Disember 2010. Sehingga akhir Disember 2010, MAAKL Mutual mempunyai seramai 1,212 ejen (2009: 1,175 ejen).

Pada tahun yang dilaporkan, MAAKL Mutual terus memberikan sumbangan positif kepada keputusan Kumpulan, dengan peningkatan dua angka dalam keuntungan sebelum cukai berjumlah RM2.2 juta (2009: RM1.1 juta).

TINJAUAN OPERASI ANTARABANGSA

MAA International Assurance Ltd ("MAAIA"), bahagian insurans dan pelaburan luar pesisir Kumpulan yang berpangkalan di Labuan telah memulihkan operasi untuk mencatatkan keuntungan operasi sebelum cukai RM9.4 juta (2009: kerugian sebelum cukai RM1.8 juta) sebelum mengambil kira peruntukan kemerosotan nilai akaun yang dibuat atas aset dan pelaburan tertentu dalam anak syarikat insurans di Indonesia berjumlah RM32.6 juta bagi tempoh yang dilaporkan. Namun begitu, peruntukan kemerosotan nilai atas anak syarikat insurans tidak akan memberikan kesan terhadap keputusan Kumpulan kerana Kumpulan telah memasukkan keputusan anak syarikat dari tarikh pemerolehan.

Buat enam tahun berturut-turut, perniagaan insurans am di Filipina memberikan sumbangan positif kepada hasil Kumpulan dengan keuntungan sebelum cukai RM2.1 juta (2009: RM1.2 juta). Bagaimanapun, kedua-dua perniagaan insurans hayat dan am Indonesia memberikan sumbangan negatif kepada Kumpulan apabila masing-masing mengalami kerugian sebelum cukai RM8.2 juta dan RM0.1 juta. Kerugian perniagaan insurans hayat adalah terutamanya disebabkan oleh perniagaan tidak menguntungkan yang ditaja jamin pada tahun yang dilaporkan.

Sejak 2008, Kumpulan telah mengurangkan kegiatan operasi dalam perniagaan unit amanah di Filipina untuk mengawal kos dan kerana perniagaan yang tidak berdaya maju. Sehubungan ini, Kumpulan sedang mencari pihak yang berminat untuk melupuskan pelaburan dalam perniagaan unit amanah di Filipina.

Syarikat bersekutu Kumpulan, Columbus Capital Pty Ltd ("CCAU") yang memulakan perniagaan pinjaman gadaai janji runcit dan pensekuritian pinjaman di Australia pada 2006, mencatatkan kerugian sebelum cukai RM2.1 juta pada 2010 (2009: keuntungan sebelum cukai RM6.6 juta). Kerugian dialami sebahagian besarnya disebabkan hasil faedah lebih rendah yang timbul daripada pengurangan portfolio pinjaman ekoran kematangan portfolio tertentu sepanjang tahun. Namun begitu, CCAU terus berusaha mendapatkan portfolio pinjaman baru pada tahun yang dilaporkan. Pinjaman gadaai janji CCAU yang dipakej tidak mengambil risiko kredit kerana pinjamannya mendapat perlindungan S&P (syarikat insurans bertaraf AA).